

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN
BENGKEL
KOD KURSUS : BBR 31102
PROGRAM : 3 BBR
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA BELAS (12)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan keselamatan?
- A Menguruskan bengkel dengan keselamatan.
 - B Menguruskan keselamatan bengkel dan pelajar.
 - C Menguruskan keselamatan bengkel, guru dan pelajar.
 - D Mentadbir dan menguruskan bengkel agar memenuhi kehendak peraturan keselamatan.
- S2** Siapakah yang terlibat di dalam pengurusan keselamatan bengkel?
- A Guru.
 - B Pelajar.
 - C Guru dan pelajar.
 - D Semua yang menggunakan bengkel.
- S3** Apakah kesan jika bengkel tidak diuruskan dengan baik dari segi alatan keselamatannya?
- A Akan dimarahi oleh Pengetua.
 - B Mendapat markah yang rendah oleh pihak Nazir Sekolah.
 - C Akan sering berlaku kemalangan di dalam bengkel tersebut.
 - D Keadaan bengkel akan mendedahkan diri pelajar kepada kemalangan.
- S4** Apakah yang anda akan lakukan sekiranya pelajar mengalami renjatan elektrik?
- A Segera memanggil ambulan.
 - B Segera memanggil ibu bapa.
 - C Segera laporkan kepada Pengetua.
 - D Segera mengalihkan punca elektrik dari pelajar menggunakan penebat.
- S5** Apakah yang anda faham mengenai pertolongan cemas?
- A Pertolongan yang diberikan secara cemas.
 - B Pertolongan menggunakan peti pertolongan cemas.
 - C Bantuan awal yang diberikan menggunakan peti pertolongan cemas.
 - D Bantuan awal kecemasan yang diberikan berdasarkan peraturan yang ditetapkan.

- S6** Apakah yang ada di dalam peti pertolongan cemas?
- A Kapas.
 - B Pembalut kepala.
 - C Ubat pencuci tangan.
 - D Ubat pencuci darah beku.
- S7** Apakah kegunaan kain anduh pada peti pertolongan cemas?
- A Untuk membalut luka.
 - B Untuk dipakai semasa ketiadaan pakaian.
 - C Untuk mengampu bahagian lengan tangan yang patah.
 - D Untuk dijadikan sebagai kain membalut luka yang besar.
- S8** Berikut merupakan punca kemalangan di dalam bengkel, kecuali:
- A Bergurau di dalam telefon.
 - B Bergurau semasa melakukan kerja.
 - C Lantai dibasahi dengan tumpahan minyak.
 - D Lampu tidak dihidupkan semasa melakukan kerja.
- S9** Berikut merupakan kecuaiian manusia yang menyebabkan kemalangan, kecuali:
- A Tidak memakai topi keledar.
 - B Tidak memakai pelindung muka.
 - C Tidak memakai seluar yang menutup keseluruhan kaki.
 - D Tidak memakai apron semasa menjalankan kerja kimpalan.
- S10** Apakah yang dimaksudkan dengan “pencahayaan yang mencukupi”?
- A Cahaya matahari yang jelas.
 - B Cahaya lampu kalimantan yang terang.
 - C Jumlah cahaya yang cukup semasa menjalankan kerja amali.
 - D Jumlah cahaya yang memasuki ruang bengkel semasa kerja amali.
- S11** Kebakaran di dalam bengkel boleh terjadi daripada:
- A Sampah gula-gula getah.
 - B Sampah coklat yang kering.
 - C Tumpahan minyak di atas lantai.
 - D Tumpahan air panas yang melimpah daripada kenderaan.

- S12** Apakah yang akan anda lakukan jika berlakunya kebakaran di dalam bengkel?
- A Segera cuba memadamkannya.
 - B Segera memanggil pelajar keluar daripada bengkel.
 - C Biarkan sahaja sehingga api itu terpadam dengan sendirinya.
 - D Memanggil pihak bomba yang terdekat untuk memadamkannya.
- S13** Apakah bahan utama yang digunakan untuk pemadam api jenis A?
- A Air.
 - B Buih sabun.
 - C Air campur buih.
 - D Karbon dioksida.
- S14** Apakah punca kebakaran yang boleh dipadamkan menggunakan pemadam api jenis A?
- A Kertas.
 - B Minyak masak.
 - C Minyak diesel.
 - D Renjatan elektrik.
- S15** Apakah bahan utama yang digunakan untuk pemadam api jenis B?
- A Air.
 - B Buih.
 - C Air campur buih.
 - D Karbon dioksida.
- S16** Apakah punca kebakaran yang boleh dipadamkan menggunakan pemadam api jenis B?
- A Kertas.
 - B Kayu kering.
 - C Minyak diesel.
 - D Renjatan elektrik.
- S17** Apakah bahan utama yang digunakan untuk pemadam api jenis ABC?
- A Air.
 - B Buih.
 - C Serbuk kering.
 - D Karbon dioksida cair.

- S18** Apakah punca kebakaran yang boleh dipadamkan menggunakan pemadam api jenis ABC?
- A Kertas.
 - B Kayu kering.
 - C Minyak petrol.
 - D Semua di atas.
- S19** Apakah tujuan mengadakan latihan kebakaran?
- A Menguji kefahaman pelajar menjalani latihan.
 - B Menguji kefungsiian alatan pencegahan kebakaran.
 - C Memanggil bomba supaya hadir ke sekolah untuk memadamkan kebakaran.
 - D Memberikan latihan kepada semua penghuni bangunan agar bersedia menghadapi kemungkinan berlakunya kebakaran.
- S20** Di manakah tempat berhimpun semasa kebakaran berlaku?
- A Di dalam dewan sekolah.
 - B Di kawasan perhimpunan pagi.
 - C Di gelanggang bola keranjang.
 - D Tempat yang dikhaskan untuk berhimpun.
- S21** Apakah tindakan guru semasa kebakaran berlaku?
- A Melarikan diri segera.
 - B Menyuruh pelajar melarikan diri.
 - C Membantu pelajar melarikan diri.
 - D Menenangkan diri pelajar dan menyuruh mereka berkumpul di tempat yang selamat.
- S22** Apakah jenis kasut yang sesuai digunakan untuk kerja elektrik?
- A Kasut getah.
 - B Kasut bertumit dan bergetah.
 - C Kasut keselamatan bertumit.
 - D Kasut plastik yang mempunyai penebat.
- S23** Berikut merupakan pakaian keselamatan, kecuali:
- A Kasut getah.
 - B Baju bengkel.
 - C Seluar yang ketat.
 - D Apron yang diperbuat daripada kulit.

- S24** Bagaimanakah caranya untuk mengetahui sesebuah mesin itu mengalami kebocoran elektrik?
- A Uji menggunakan *test pen*.
 - B Uji menggunakan tangan dan sentuh.
 - C Uji menggunakan lampu kalimantan.
 - D Uji dengan menggunakan sentuhan dan *test pen*.
- S25** Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya roda mesin canai telah haus?
- A Tukar roda yang baru.
 - B Beli mesin yang baru.
 - C Biarkan sahaja dan jangan digunakan.
 - D Letakkan tanda amaran pada mesin tersebut.
- S26** Apakah langkah pertama sebelum masuk ke dalam bengkel untuk melakukan kerja amali?
- A Pastikan lampu dihidupkan.
 - B Pastikan semua pintu ditutup.
 - C Pastikan semua pelajar masuk ke dalam bengkel.
 - D Pastikan semua peralatan cukup dan sesuai dengan kerja.
- S27** Berikut merupakan langkah terakhir sebelum meninggalkan bengkel, kecuali:
- A Matikan semua lampu.
 - B Matikan semua punca kuasa elektrik.
 - C Semua sampah dibersihkan dengan sempurna.
 - D Semua pelajar hendaklah diperiksa agar tidak mengambil alat bengkel.
- S28** Berikut merupakan alat yang digunakan untuk memastikan keselamatan semasa kerja kimpalan:
- A Sarung tangan kain.
 - B Sarung tangan kulit.
 - C Pelindung kulit dan muka.
 - D Pelindung mata dan hidung.
- S29** Berikan alasan mengapa sesuatu projek tidak dapat dibuat dengan sempurna.
- A Alatan tumpul.
 - B Alatan terlalu tajam.
 - C Mesin terlalu laju berputar.
 - D Mesin boleh dilaraskan kelajuannya.

S30 Nyatakan langkah anda jika dawai bekalan kuasa pada mesin telah terbakar.

- A Tukar yang baru.
- B Balut dengan *selotape*.
- C Simpan alat tersebut.
- D Laporkan kepada Pengetua.

S31 Di manakah lokasi yang sesuai bagi mesin canai meja?

- A Di tepi pintu.
- B Di tepi tingkap.
- C Di depan pintu masuk.
- D Di dalam bilik yang kedap bunyi.

S32 Apakah tujuan pemasangan kipas pengudaraan?

- A Mengelakkan berlakunya renjatan.
- B Mengelakkan berlakunya asap berkepul-kepul.
- C Menggalakkan berlakunya pengudaraan yang baik.
- D Menyedut udara luar masuk ke dalam bengkel dengan baik.

S33 Organisasi bengkel terdiri daripada:

- A Pengetua.
- B Penolong Kanan dan Pengetua.
- C Guru, Penolong Kanan dan Pengetua.
- D Pelajar dan guru yang membentuk organisasi kerja.

S34 Apakah tugas *foreman* di dalam bengkel?

- A Sebagai ketua pelajar semasa melakukan kerja.
- B Sebagai penyelia pelajar semasa melakukan kerja.
- C Mencatat kedatangan guru dan pelajar di dalam bengkel.
- D Mengendalikan semua aktiviti yang dijalankan di dalam bengkel.

S35 Mengapakah perlu ada jawatankuasa kerja di dalam bengkel?

- A Memastikan semua orang bekerja.
- B Memerhatikan kerja orang lain di dalam bengkel.
- C Mengendalikan semua aspek di dalam bengkel semasa kerja dilakukan.
- D Menjadi jawatankuasa bertindak semasa berlakunya kemalangan di dalam bengkel.

- S36** Kedudukan yang sesuai untuk sebuah ragum yang dipasang di atas meja kerja ialah:
- A Di tepi.
 - B Di tengah.
 - C Di bawah.
 - D Di mana sahaja.
- S37** Apakah jenis label yang sesuai ditampalkan di dalam bengkel?
- A Jaga diri baik-baik.
 - B Awas ada sampah.
 - C Utamakan keselamatan.
 - D Utamakan kesejahteraan.
- S38** Apakah yang dimaksudkan dengan “AWAS, VOLTAN TINGGI”?
- A Bahaya elektrik.
 - B Bahaya elektrik berkuasa tinggi.
 - C Kawasan yang bahaya untuk didekati.
 - D Kawasan yang berisiko tinggi kerana ada voltan.
- S39** Pilih yang betul bagi kenyataan di bawah:
- A Merah tanda bahaya.
 - B Kuning tanda bahaya tapi kurang.
 - C Hijau tanda bahaya tetapi selamat.
 - D Coklat tanda boleh menghindari bahaya.
- S40** Kenyataan berikut adalah mengenai bahaya api, kecuali:
- A Boleh dipadamkan dengan segera.
 - B Boleh dinyalakan di mana-mana sahaja.
 - C Boleh mendatangkan bahaya sekiranya tidak dikawal.
 - D Boleh mendatangkan banyak faedah kepada manusia jika tidak disalahgunakan.
- S41** Apakah yang terkandung di dalam Akta Keselamatan Pekerjaan?
- A Kesihatan dan kerohanian pekerja.
 - B Kesihatan dan keselamatan pekerja.
 - C Keselamatan dan peraturan untuk memohon kerja.
 - D Keselamatan dan peraturan untuk memohon masuk ke hospital.

- S42** Apakah tujuan diadakan Akta Keselamatan Pekerjaan?
- A Melindungi majikan.
 - B Melindungi pekerja sakit.
 - C Melindungi pekerja dan majikan.
 - D Melindungi hak pekerja untuk kebaikan dan keselamatan.
- S43** Apakah kewajipan seorang majikan?
- A Memastikan kerja siap dibuat.
 - B Memastikan pekerja sentiasa bekerja.
 - C Memastikan pekerja di dalam keadaan sihat.
 - D Memastikan pekerja melakukan kerja di persekitaran yang selamat.
- S44** Apakah yang dimaksudkan dengan PERKESO?
- A Pertubuhan kerani dan sosial.
 - B Pertubuhan Keselamatan Sosial.
 - C Pertubuhan Kebajikan Kakitangan Sosial.
 - D Pertubuhan Keselamatan Kakitangan Bersosial.
- S45** Apakah fungsi PERKESO?
- A Melindungi majikan.
 - B Melindungi pekerja dan majikan.
 - C Melindungi pekerja dari segi keselamatan dan kebajikan.
 - D Melindungi pekerja dan majikan yang memerlukan keselamatan.
- S46** Apakah yang dimaksudkan dengan NIOSH?
- A Institut Integriti Malaysia.
 - B Institut Keselamatan Pekerja Malaysia.
 - C Institut Keselamatan dan Sosial Malaysia.
 - D Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan.
- S47** Apakah yang dimaksudkan dengan inventori bengkel?
- A Senarai bahan guna habis
 - B Senarai alatan keselamatan.
 - C Senarai alatan tangan dan mesin.
 - D Senarai semua peralatan tangan yang berharga rendah.

- S48** Berikut adalah contoh daftar inventori, iaitu:
- A Mesin canai.
 - B Wire tiga teras.
 - C Cat licau 5 liter.
 - D Besi bergalvani panjang 6 meter.
- S49** Apakah yang dimaksudkan dengan daftar harta modal?
- A Bahan guna habis.
 - B Bahan keperluan di dalam bengkel.
 - C Peralatan tangan yang digunakan di dalam bengkel.
 - D Mesin yang mempunyai harga yang tinggi yang memerlukan penyelenggaraan.
- S50** Apakah tujuan kita melakukan kerja penyelenggaraan pada mesin?
- A Arahan Pengetua.
 - B Arahan Ketua Bengkel.
 - C Memastikan ianya sentiasa bersih.
 - D Memastikan ianya sentiasa boleh digunakan dengan selamat.
- S51** Apakah tindakan anda sekiranya kerja penyelenggaraan sesebuah harta modal melebihi kos pembelian?
- A Tidak perlu diselenggara lagi.
 - B Mohon untuk pelupusan harta modal.
 - C Mohon untuk dibuang dan dihapuskira.
 - D Mohon untuk dihadiahkan kepada jabatan lain.
- S52** Bagaimanakah caranya untuk mengelakkan bahan guna habis tidak mencukupi semasa kerja amali dijalankan?
- A Pastikan bahan sentiasa banyak.
 - B Pastikan perancangan dibuat dengan teliti.
 - C Pinjam dengan jabatan lain dengan segera.
 - D Lakukan pembelian dengan segera sebelum bahan habis.
- S53** Di manakah bahan guna habis sepatutnya disimpan?
- A Di dalam pejabat bengkel.
 - B Di dalam pejabat Pengetua.
 - C Berdasarkan kepada jenis perolehan.
 - D Berdasarkan kepada jumlah dan harga perolehan.

- S54** Bagaimanakah anda memastikan bahan guna habis digunakan dengan betul?
- A Gunakan buku rekod mengajar.
 - B Sentiasa catatkan keluar masuk dalam buku daftar.
 - C Sentiasa menulis surat kepada Ketua Bengkel semasa menggunakannya.
 - D Sentiasa mengira dan memastikan bahan tersebut berada dalam jumlah yang betul.
- S55** Apakah tindakan anda sekiranya alatan di dalam bengkel telah hilang?
- A Lakukan pemeriksaan setiap pelajar.
 - B Lakukan pemeriksaan mengejut ke seluruh sekolah.
 - C Siasat dan buat laporan bertulis kepada Ketua Jabatan.
 - D Siasat dan buat laporan terus ke Balai Polis yang berhampiran.
- S56** Berikut merupakan langkah semasa penerimaan barang pesanan, kecuali:
- A Rekodkan segera.
 - B Rekodkan selepas tiga hari penerimaan.
 - C Rekodkan dengan menggunakan buku catatan guru.
 - D Rekodkan dengan melaporkan kepada pihak Pengetua.
- S57** Pilih kenyataan yang betul mengenai bilik stor alat.
- A Mempunyai rak khas penyimpanan barang.
 - B Mempunyai pengudaraan dan cahaya yang cukup.
 - C Mempunyai tanda nama setiap alatan pada bahagian kotaknya.
 - D Mempunyai buku gambar khas untuk memudahkan pelajar mendapatkannya.
- S58** Alatan dan mesin adalah tergolong di dalam kategori bahan bantu mengajar berikut:
- A Tiruan.
 - B Sebenar.
 - C Sementara.
 - D Model boleh berfungsi.
- S59** Bahan bantu mengajar sebenar mestilah mempunyai ciri keselamatan seperti berikut, kecuali:
- A Mempunyai tarikh luput.
 - B Mempunyai arahan keselamatan.
 - C Mempunyai suis keselamatan bagi mesin.
 - D Mempunyai pelindung bagi bahagian berputar.

S60 Berikut merupakan sebahagian daripada tugas seorang guru bengkel:

- A Mengajar kemahiran.
- B Menguruskan keselamatan bengkel dan peralatan.
- C Memastikan semua alatan dan mesin selamat digunakan.
- D Semua di atas.

-SOALAN TAMAT-